

# Daripada lebih 130 negara membangun Malaysia tempat kelima jaya tingkatkan taraf hidup rakyat — PM

UM 21 AUG 1990

Oleh  
Ramli Ismail

KANGAR 20 Ogos — Malaysia kini menduduki tempat kelima daripada lebih 130 buah negara membangun di dunia kerana kejayaannya meningkatkan taraf hidup rakyat dan mengukuhkan kedudukan ekonominya sendiri.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata ini merupakan suatu kejayaan yang membanggakan, kerana ia sudah hampir dapat menyaingi negara baru maju lain seperti Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura.

Menurut Perdana Menteri, walaupun Thailand mendakwa negara itu berada pada tangga kelima, tetapi dibandingkan segi pendapatan perkapita penduduk, rakyat Malaysia memperoleh AS\$2,000 setahun, berbanding Thailand AS\$700 setahun.

"Bagaimanapun, kita harus berbangga, kerana pencapaian setakat ini sudah jauh meninggalkan negara-negara membangun lain yang lebih terkenal

seperti Brazil, Argentina, Peru, Venezuela, Kenya, India dan Pakistan," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap kepada kira-kira dua ribu kakitangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam satu perhimpunan di Stadium Dato' Sheikh Ahmad di sini hari ini.

Beliau, selaku Pengerusi Barisan Nasional membuat lawatan rasmi sehari ke Perlis dengan ditemani oleh isterinya, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Presiden MIC, Dato' Sri S. Samy Vellu, Presiden MCA, Dato' Sri Ling Leong Sik, Presiden Gerakan, Dato' Lim Kim Yaik dan lain-lain.

Ketibaan Perdana Menteri dan rombongan disambut oleh Menteri Besar, Dr. Haji Abdul Han-rid Pawanteh selaku Peng-

erusi Barisan Nasional Negeri dan isterinya, Puan Hajah Elham Hamid serta para pemimpin parti komponen Barisan Nasional negeri.

## Diarak

Rombongan tersebut kemudian diarak dengan iringan pembawa bunga manggar serta kumpulan hadrah dari Padang Bandaran di sini, tempat helikopter TUDM yang membawa Perdana Menteri dan rombongan mendarat, berjalan masuk ke stadium.

Perdana Menteri menambah, segala kejayaan yang dicapai itu adalah hasil kecekapan pemerintahan oleh parti yang sudah berpengalaman selama 33 tahun selepas mencapai kemerdekaan di samping kerjasama semua rakyat, termasuk kaki

tangan kerajaan.

Katanya, Malaysia yang hanya seluas 330 kilometer persegi, dan mempunyai rakyat seramai 17.6 juta orang, sudah mendapat sanjungan dunia luar kerana pembangunannya di samping kejayaan memupuk rakyat berbilang kaum hidup bersama.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, hubungan kerajaan dengan kakitangannya amat penting, kerana jika kakitangan tidak memahami kehendak kerajaan yang diberi mandat memerintah oleh rakyat, sudah tentu sukar untuk melaksanakan sesuatu dasar yang dirancang.

Hasil peranan bersama antara kedua pihak, katanya, banyak masalah negara dapat diselesaikan termasuk dalam mengatasi ancaman kemiskinan. Melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB), kadar kemiskinan dapat dikurangkan daripada 45 peratus, kepada 15 peratus sekarang.